



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

16 APRIL 2024 (SELASA)

Kami tak arahkan anjing liar diracun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	11	16 April

'Kami tak arahkan anjing liar diracun'



BANGKAI anjing liar disyaki mati disebabkan diracun terbiar di beberapa kawasan sekitar bandaraya Kuala Terengganu. FOTO Ihsan PPHTT

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri tidak pernah mengarahkan anjing liar berkeliaran diracun, walaupun haiwan itu mengancam keselamatan manusia dan ternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan akan berusaha menggunakan kaedah tertentu untuk mengawal populasi anjing liar daripada membikak sehingga menjadi tidak terkawal.

"Kita terkilan dengan dakwaan beratus ekor anjing liar mati disebabkan diracun seperti ditularkan melalui Facebook (FB) Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Terengganu (PPHTT), hari ini.

"Kerajaan tidak pernah mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meracun untuk melupuskan anjing liar," katanya ketika dihubungi hari ini.

PPHTT mendakwa satu operasi penghapusan anjing gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Terengganu dengan memberi makanan beracun, kemungkinan dicampur dengan racun perosak dilakukan pihak tertentu.

Mengulas lanjut, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi mengesahkan turut menerima laporan beratus ekor ternakan peliharaan termasuk kambing dan biri-biri mati diserang anjing liar.

"Berdasarkan laporan awal, anjing liar ini diambil individu tertentu bertujuan menjaga kebun, tetapi dibiarkan berkeliaran selepas hasil tanaman berhasil.

"Walaupun kepentingan rakyat diutamakan, tetapi kaedah pelupusan anjing liar secara berperikemanusiaan perlu dilakukan," katanya.

Dr Azman berkata, JPV negeri dan PBT sudah diminta melakukan siasatan secara menyeluruh dakwaan PPHTT bahawa anjing liar berkeliaran mati disebabkan termakan racun.

Tidak kisah hilang emas, tetapi sedih kucing mati 'Penghulu Salleh', 14 ekor kucing rentung

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	16 April

Tidak kisah hilang emas, tetapi sedih kucing mati

'Penghulu Salleh', 14 ekor kucing rentung

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT – "Saya tidak kisah hilang barang kemas, tetapi yang menyedihkan seekor kucing bernama 'Penghulu Salleh' bersama 14 ekor kucing lain hangus dalam kebakaran rumah kelmarin," kata Faridah Majid.

Faridah, 46, dari Kampung Cengkuak, Damak di sini berkata, dalam kejadian pada pukul 6.20 pagi itu, sebanyak 10 ekor burung peliharaannya turut rentung.

"Ketika api marak, saya bergegas membuka pintu sangkar haiwan berkenaan dengan harapan supaya dapat keluar menyelamatkan diri.

"Mungkin kucing dan burung ini panik apabila kepulan asap tebal mula menyelubungi bilik menyebabkan haiwan itu tidak tahu arah ke mana hendak pergi sebelum mati terbakar," katanya.

Menurutnya, rumah milik ibunya itu terbakar dipercayai berpunca daripada litar pintas bermula di bahagian ruang tamu rumah ketika dia sedang bersiap menunaikan solat subuh kira-kira pukul 6.20 pagi kelmarin.

Katanya, sebelum berlaku kebakaran itu dia terdengar bunyi kucing yang luar biasa dari bilik kurungan yang menempatkan haiwan itu.

"Saya sangat sayangkan hai-

wan tersebut, bilik kurungan kucing pun dilengkapi pendingin hawa, penyedut dan alat penapis udara.

"Setiap hujung minggu, saya akan membawa kucing menaiki kereta dan bersiar-siar di sekitar kampung.

"Semua kucing sangat manja dan apabila saya masuk ke bilik itu semuanya akan mengerumuni saya sambil menggesekkan badan ke kaki dan memanjat serta bermain-main," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, semua itu hanya tinggal kenangan apabila kucing dan burung yang dipelihara mati dalam kebakaran.



GAMBAR kenangan kucing peliharaan Faridah sebelum rentung dalam kebakaran sebuah rumah di Kampung Cengkuak, Damak, Jerantut kelmarin.

Lembu 'perangkap maut' pintu masuk Kelantan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Rencana	16	16 April



SUDAH tiba masanya pihak berkuasa bersikap tegas ke atas pemilik lembu dengan mewajibkan mereka menandatangani aku janji untuk bertanggungjawab sekiranya terdapat kemalangan melibatkan haiwan peliharaan mereka. - GAMBAR HIASAN

Lembu 'perangkap maut' pintu masuk Kelantan

“

Sudah tiba masanya pihak berkuasa menggubal undang-undang bagi memastikan hukuman lebih berat dan setimpal dikenakan ke atas mereka.”

Musang-Kuala Krai dan Jalan Sungai Terah-Kampung Merantau antara lokasi ‘panas’ yang sering berlaku kemalangan melibatkan pengguna dengan haiwan berkenaan.

Selain itu, Jalan Felda Chiku 2 dan Taman Agropolitan Rantau Manis

turut tersenarai sebagai lokasi panas kemalangan.

Justeru, pengguna jalan raya perlu sentiasa peka dengan persekitaran kerana laluan tersebut sangat gelap pada waktu malam sekali gus menuntut fokus yang tinggi sepanjang pemanduan.

Hal ini kerana, lembu-lembu itu boleh sahaja muncul dan melintas secara mengejut pada bila-bila masa menyebabkan pemandu gagal mengawal kenderaan mereka, seterusnya terlibat dengan kemalangan.

PANGGIL SEMUA PEMILIK

Sudah tiba masanya pihak berkuasa bersikap tegas ke atas pemilik lembu-lembu tersebut dengan memanggil mereka semua. Kemudian mewajibkan pemilik lembu menandatangani aku janji. Melalui aku janji itu,

semua pemilik perlu bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan melibatkan pengguna jalan raya dengan lembu. Aku janji itu supaya mereka lebih bertanggungjawab dan tidak bersikap lepas tangan.

Hal ini kerana, setiap kali kemalangan berlaku, tiada seorang pemilik pun tampil bertanggungjawab atas perkara tersebut. Tapi ingatlah semua kelakuan itu sudah direkodkan oleh malaikat Atid.

HUKUMAN LEBIH BERAT

Melihat kepada sikap pemilik lembu yang seolah-olah tidak insaf, sudah tiba masanya pihak berkuasa menggubal undang-undang bagi memastikan hukuman lebih berat dan setimpal dikenakan ke atas mereka.

Hukuman ini bertujuan mendidik supaya mereka

peka dengan tanggungjawab menjaga haiwan ternakan agar tidak mendatangkan kecelakaan kepada orang lain.

Tangkap dan kemudian lelong haiwan berkenaan sahaja tidak cukup, sebaliknya pemilik perlu dikenakan hukuman setimpal.

Sebagai pemilik yang dikurniakan akal, janganlah ambil mudah perkara ini. Tambat atau kurunglah lembu-lembu peliharaan anda untuk kesejahteraan pengguna laluan tersebut.

Sampai bila sikap ambil mudah dengan melepaskan lembu-lembu ini seolah-olah tidak bertuan mahu diamalkan.

Ingatlah, kereta yang rosak boleh dibaiki, hilang nyawa tidak boleh diganti Kor guana?

PENULIS ialah koresponden Utusan Malaysia Kelantan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**